



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

The National University of Malaysia

PEKELILING BENDAHARI BIL. 6/2023

PINDAAN GARIS PANDUAN PEROLEHAN UKM

1. TUJUAN

- 1.1. Pekeling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan pindaan Garis Panduan Perolehan UKM selaras dengan pindaan Pekeling Perbendaharaan Perolehan Kerajaan (PK) yang telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian Kewangan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Untuk makluman semua Pusat Tanggungjawab (PTj), peraturan dan tatacara perolehan Universiti telah dikuatkuasakan melalui Pekeling Bendahari Bil. 12/2019 Garis Panduan Perolehan UKM.
- 2.2. Kementerian Kewangan telah membuat pindaan melibatkan hampir keseluruhan Pekeling Perbendaharaan Perolehan Kerajaan (PK) mulai 29 November 2022. Pindaan yang telah dibuat adalah melibatkan dasar perolehan, had nilai serta tatacara proses perolehan.
- 2.3. Pindaan Garis Panduan Perolehan UKM telah mendapat perakuan Mesyuarat Pengurusan Universiti (MPU) bertarikh 11 April 2023 dan Jawatankuasa Perolehan UKM bertarikh 8 Jun 2023 serta telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti (LPU) bertarikh 20 Jun 2023. Garis panduan penuh boleh dirujuk di [Sistem Pengurusan Dokumen UKM \(SPD UKM\)](#).

3. PINDAAN UTAMA

Pindaan utama Garis Panduan Perolehan UKM adalah seperti berikut:

3.1. Dasar Perolehan

Terdapat dasar-dasar perolehan baharu yang telah diwujudkan iaitu:

3.1.1. Dasar Program Kolaborasi Industri (Industrial Collaboration Program – ICP)

Program nilai tambah yang disyaratkan ke atas sesuatu perolehan yang mencapai nilai ambang bernilai RM100 juta dan ke atas bagi membangunkan teknologi, industri dan ekonomi yang dikenalpasti oleh Universiti.

3.1.2. Dasar Pelaksanaan Kontrak Berasaskan Pencapaian Prestasi (Performance Based Contract - PBC)

Dasar ini terpakai bagi perolehan perkhidmatan senggaraan, baik pulih dan rombak-rawat (*maintenance, repair and overhaul* - MRO) yang bernilai RM25 juta dan ke atas.

3.1.3. Dasar Perolehan Hijau

- i. Perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja dengan mengambil kira penggunaan bahan/ barang yang memenuhi kriteria alam sekitar untuk memulihara alam sekitar dan sumber alam semula jadi serta meminimumkan dan mengurangkan kesan negatif daripada aktiviti manusia.
- ii. Perolehan hijau hendaklah dilaksanakan sepenuhnya bagi kumpulan produk/ perkhidmatan berikut:
 - a. Peralatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)
 - b. Lampu Dalaman
 - c. Kertas
 - d. Pencetak Serbaguna
 - e. Penyaman Udara
 - f. Produk Pembungkusan
 - g. Peralatan Elektrik (Televisyen, Kipas Angin, Penyejuk Beku dan Mesin Pencuci);
 - h. Lampu Jalan; dan
 - i. Sistem Tenaga Solar
- iii. Perolehan hijau hendaklah dilaksanakan sekurang-kurangnya 50% bagi produk/perkhidmatan berikut:
 - a. Alat Pemadam Kebakaran Mudah Alih
 - b. Toner Katrij
 - c. Perkhidmatan Pembersihan
 - d. Perkhidmatan Penyediaan Makanan, Penyajian atau Katering
 - e. Perkhidmatan Dobi atau Pencucian
 - f. Pakaian
 - g. Perkhidmatan Penyelenggaraan Sistem Penyamanan Udara
 - h. Perkhidmatan Kawalan Serangga

3.1.4. Pelaksanaan Sistem Binaan Berindustri (IBS)

- i. Sistem Binaan Bangunan Berindustri (*Industrialised Building System* - IBS) merupakan teknik pembinaan pasang siap atau kaedah pembinaan bangunan yang mana komponennya dihasilkan dalam keadaan terkawal (di kilang atau di tapak bina), di bawa dan di pasang di tempat kerja pembinaan bangunan dengan penggunaan pekerja yang minimum. IBS hendaklah diguna bersama dengan *Pre-Approved Plan* (PAP) semasa melaksanakan projek.

- ii. Dilaksanakan bagi projek bernilai RM10 juta dan ke atas dengan kadar minimum 70% nilai skor IBS serta menetapkan koordinasi modular untuk dijadikan sebagai piawaian dalam reka bentuk bangunan.
- iii. Pelaksanaan IBS ini adalah terpakai untuk perolehan kerja secara tender dan rundingan terus.

3.1.5. Pelaksanaan *Pre-Approved Plan (PAP)*

Pre-Approved Plan (PAP) ialah reka bentuk bangunan yang tersedia dan lengkap dengan input seni bina, struktur, mekanikal, elektrikal dan ukur bahan yang menepati keperluan teknikal dan perundangan Kerajaan iaitu Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133). Pelaksanaan PAP hendaklah menggunakan kaedah *Industrialised Building System* (IBS).

3.2. Perubahan Had Nilai dan Tambahan Kaedah Perolehan

3.2.1. Perubahan Had Nilai

- i. **Perubahan Had Nilai Perolehan Secara Pembelian/ Lantikan Terus**
Had nilai perolehan secara pembelian / lantikan terus telah dinaikkan daripada RM20 ribu ke RM50 ribu.
- ii. **Perubahan Had Nilai Pihak Berkuasa Melulus (PBM) Untuk Perolehan Perunding.**
Had nilai PBM bagi perolehan perunding adalah seperti berikut:

Kaedah Perolehan	Had Nilai	Pihak Berkuasa Melulus
Lantikan Terus Berserta Kos Siling (LTBKS)	<ul style="list-style-type: none"> • Kos kerja ukur sehingga RM50 ribu; • Kos kajian sehingga RM50 ribu; • Kos perkhidmatan perunding fizikal sehingga RM50 ribu. 	Pegawai Pengawal/ Pegawai yang diturunkan kuasa secara bertulis
Lantikan Terus Berserta Kos Siling (LTBKS)	<ul style="list-style-type: none"> • Kos Ukur/ Kos Kajian/ Kos Perkhidmatan Perunding Melebihi RM50 ribu sehingga RM500 ribu; • Kos projek pembangunan fizikal sehingga RM20 juta. 	Jawatankuasa Sebut Harga (JKSH)
	<ul style="list-style-type: none"> • Kos perkhidmatan perunding fizikal melebihi RM500 ribu; dan • Kos projek pembangunan fizikal melebihi RM20 juta sehingga RM50 juta. 	Jawatankuasa Perolehan

Tender Terbuka/ Tender Terbuka Pra Kelayakan	<ul style="list-style-type: none"> • Kos kerja ukur sehingga RM5 juta; • Kos kajian sehingga RM5 juta; • Kos projek pembangunan fizikal sehingga RM300 juta. 	Jawatankuasa Perolehan
--	---	------------------------

3.2.2. Tambahan dan Perubahan Kaedah Perolehan

i. Perolehan Secara *Request For Proposal* (RFP)

Perolehan secara *Request For Proposal* adalah kaedah perolehan baharu yang khusus untuk perolehan perkhidmatan dan ICT yang melebihi RM500 ribu.

ii. Terdapat beberapa tatacara perolehan yang khusus telah ditambah seperti berikut:

- a. Perolehan secara gotong-royong
- b. Pembelian tanah
- c. Tugasan ke luar negara yang berkaitan dengan perolehan
- d. Peraturan perolehan bagi agensi yang bertempat di luar negeri
- e. Pengendalian kursus dan latihan
- f. Pembaikan/ senggaraan bot dan kapal
- g. Pengurusan Projek Reka dan Bina
- h. Perkhidmatan ukiran kayu

iii. Rundingan Harga (Tender)

Rundingan harga dibenarkan kepada semua petender yang lulus spesifikasi dan kewangan.

3.2.3. Perubahan Kaedah Penilaian

i. Kaedah Penilaian Bagi Perolehan Bekalan Dan Perkhidmatan (Sebut Harga Dan Tender)

Bil	Kaedah Penilaian Sebelum	Perubahan Kaedah Penilaian
1.	Penilaian secara 2 peringkat <ol style="list-style-type: none"> i. Jawatankuasa Penilaian Teknikal ii. Jawatankuasa Penilaian Kewangan 	Penilaian secara 2 peringkat <ol style="list-style-type: none"> i. Jawatankuasa Penilaian Teknikal ii. Jawatankuasa Penilaian Kewangan iii. Penilaian teknikal akan dilaksanakan dahulu. Hanya syarikat yang lulus teknikal sahaja akan dibuat penilaian kewangan.

2.	Tiada	<ul style="list-style-type: none"> i. Penilaian secara 1 peringkat ii. Hanya ada satu Jawatankuasa Penilaian (Teknikal dan Kewangan)
----	-------	--

- ii. Penilaian satu (1) peringkat adalah khusus untuk kod bidang seperti berikut:
- a. Pembekalan bekalan alat tulis (Kod Bidang 020601)
 - b. Pembekalan makanan bermasak Islam/ Bukan Islam tidak melebihi RM500 ribu (Kod Bidang: 040103 dan 040104)
 - c. Pembekalan dakwat pencetak (toner) (Kod Bidang: 020601)
 - d. Perkhidmatan kawalan keselamatan (Kod Bidang: 220801)
 - e. Perkhidmatan membersih dan mencuci bangunan (Kod Bidang: 221001, 221002 dan 221005)
 - f. Lain-lain perolehan yang tidak rumit dan kompleks yang ditentukan oleh Agensi. Contoh seperti, pembelian peralatan pejabat seperti jam, tong sampah, papan putih, pakaian seragam untuk bukan anggota keselamatan/penguatuasa dan lain-lain.
- iii. Keperluan analisa kecukupan modal dalam penilaian Jawatankuasa Kewangan bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan.

3.2.4. Harga Indikatif

Harga indikatif boleh dinyatakan dalam dokumen tender/ dokumen sebut harga.

4. PELAKSANAAN

- 4.1. Pelaksanaan perubahan garis panduan perolehan UKM ini akan dibuat secara berfasa seperti berikut :

BIL.	FASA	PERKARA	TARIKH PELAKSANAAN
1.	Fasa 1	<ul style="list-style-type: none"> i. Penggunaan Dasar Perolehan baharu ii. Perubahan had nilai iii. Penggunaan harga indikatif iv. Pelaksanaan tatacara perolehan yang khusus 	17 Julai 2023
2.	Fasa 2	<ul style="list-style-type: none"> i. Perubahan kaedah penilaian bekalan dan perkhidmatan melalui Sistem eP ii. Analisa kecukupan modal bagi penilaian harga melalui Sistem eP 	15 Ogos 2023

5. PENGUATKUASAAN

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai **17 Julai 2023** seperti yang dinyatakan di perkara 4.1. sekaligus membatalkan Pekeliling Bendahari Bil 12/2019 Garis Panduan Perolehan UKM. Sehubungan dengan itu, Pekeliling Bendahari berkaitan perolehan yang mengandungi had nilai belian terus/ lantikan terus secara automatik dinaikkan daripada RM20 ribu kepada RM50 ribu.